

NO SOALAN :16**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 19.03.2018**

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah saman bagi pembayaran lewat dan/atau pembayaran terkurang yang dikumpul oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri yang dikenakan ke atas para syarikat dan individu bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2015 sehingga 2017, jumlah saman bagi pembayaran lewat dan pembayaran terkurang yang dikumpul oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah sebanyak 16,997 kes bagi pembayar cukai syarikat, manakala 123,954 kes bagi pembayar cukai individu dan bukan syarikat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
TARIKH : 19 MAC 2018
SOALAN : NO. 17

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai berapakah bilangan pelajar-pelajar yang mendapat pembiayaan PTPTN kini telah menjawat jawatan tinggi Kerajaan, korporat, jurutera, doktor, peguam dan bidang-bidang profesional lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun 2017, seramai 61,874 orang graduan yang mendapat pembiayaan dari PTPTN. Berdasarkan graduan yang bekerja dalam kumpulan profesional adalah seramai 19,134 orang (30.9 peratus), manakala 5,726 orang (9.3 peratus) dalam kumpulan pekerjaan juruteknik dan profesional bersekutu.